

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 51 RABU 23 DISEMBER 1970 1390 رابو 23 شوال PERCHUMA

T.M.B. seru penuntut2 menguasai bahasa Inggeris dengan tidak melupakan kepentingan bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim telah menegaskan betapa penting-nya pelajaran dengan menyatakan bahawa dengan mempunyai pelajaran sa-seorang itu dapat berdiri atas tapak kaki-nya sendiri serta dapat menghadapi segala chabaran hidup.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja menambah kata bahawa bagi membantu raayat negeri ini menghadapi segala chabaran itu, kerajaan telah membelanjakan sa-jumlah besar wang dalam bidang pelajaran.

Timbalan Menteri Besar itu telah berucap sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada 84 orang penuntut yang terbaik di-Maktab SOAS Bandar Seri Begawan pagi semalam.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja berkata, sa-bagai balasan-nya penuntut2 mesti-lah berusaha penoh bagi mencapai chita2 dan maksud negara.

Menyentuh tentang pelajaran bahasa Inggeris, Timbalan Menteri Besar itu berkata bahawa di-samping tidak melupakan kepentingan bahasa kebangsaan, penuntut2 mesti-lah choba bersungguh2 menguasai bahasa Inggeris jika ingin lulus dengan mudah dalam peperiksaan dan juga meluaskan pengetahuan mereka.

Mengenai disiplin, beliau menasihatkan ibu2-bapa dan penuntut2 supaya bekerjasama dengan pengetua sekolah dan mengadakan sebarang kejadian kepada pengetua.

Timbalan Menteri Besar juga mengesa guru2, khas-nya dari luar negeri, supaya berusaha penoh dalam bidang pelajaran di-Brunei sa-lagi me-

(Lihat muka 8)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa ketika menyampaikan ucapan (gambar atas). Gambar bawah: Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar kelihatan sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang penuntut yang telah terpilih sabagai penuntut yang terbaik bagi tahun 1970.



BANCHI PANDU AKAN DI-ADAKAN 13 JANUARI, 1971

BANDAR SERI BEGAWAN. — Banchi Pandu untuk perse-diaan bagi Banchi Penduduk akan di-adakan di-beberapa buah kampong yang di-pilih di-daerah Brunei-Muara dan Tutong dalam awal tahun depan.

Kerja2 Banchi Pandu yang berjalan selama tiga hari mulai 13 Januari, 1971 itu ada-lah bagi memperoleh pengalaman dalam kerja2 banchi penduduk yang sa-benar dan bagi mengatasi kesalahan2 yang mungkin terdapat dalam Banchi Pandu itu.

Sa-buah kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan berkata kampong2 yang terpilih akan di-lawati oleh penemu-duga2 yang akan mengemukakan beberapa soalan kepada tiap2 rumah yang terlibat ia-itu sa-lah2 Banchi Penduduk yang sebenar-nya.

Banchi Pandu itu juga bertujuan bagi menhuba sama ada soalan2 yang telah di-susun itu merupakan satu susunan yang peraktik dan difahami atau sabalek-nya.

(Lihat Muka 8)

M.B. akan rasmikan kongres M.B.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Upacara itu akan berlangsung pada hari Sabtu 2 Januari di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan mulai pukul 8.00 pagi.

Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri, Awang Yakub bin Ahmad menyeru semua persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini supaya menghantar tiga orang wakil dari persatuan masing2 untuk menghadiri kongres itu.

Mereka yang ingin membuat sa-barang chadangan itu hendak-lah mengemukakan-nya sa-chara bertulis dan di-kiriskan kepada Setia Usaha Agong Majlis Belia Negeri Brunei.

Usaha Jabatan Pertanian untuk menolong peladang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian sedang membuat segala usaha untuk menolong peladang2 di-negeri ini bagi menyelamatkan tanaman mereka dari binasa oleh penyakit dan binatang2 perosak tumbuhan2.

Pakar penyakit tumbuhan2, Awang W.H.T. Peregrine yang berkhidmat dengan jabatan itu sejak bulan Mei lalu berkata, padi ada-lah tanaman paling penting di-Brunei dan selalu rosak oleh berbagai binatang, terutama-nya tikus.

Kata-nya, jabatan tersebut telah menggunakan bahan zinc phosphide untuk menghapuskan tikus2 beberapa tahun yang lalu.

Tahun hadapan kata-nya, Jabatan Pertanian merancang penggunaan bahan2 Warfarin dan Racumin yang juga berkesan, tidak bahaya kepada binatang dan manusia tetapi boleh membunuh sa-chara perlahan2.

Awang Peregrine berkata, bagi mencegah penyakit padi dari merebak, semua beneh2 padi akan di-selaputi dengan fungicide sa-belum di-bahagikan kepada peladang2 mulai tahun hadapan.

Peladang2 juga boleh membawa beneh2 padi mereka untuk di-buboh ubat dengan tidak di-kenakan bayaran.

Awang Peregrine berkata, pada masa2 yang sudah ubat Dioldrex telah di-gunakan dengan luas, tetapi seperti ubat DDT ia-nya di-haramkan di-kebanyakan negeri.

Kata-nya, dasar jabatan itu ialah untuk menggantikan dengan ubat pembunuh serangga yang ber-sistem seperti sevin, dimecron, sevidol, trioxion yang meresap ka-dalam tumbuhan2. Awang Peregrine menyeru peladang2 yang menggunakan ubat2 pembunuh serangga itu supaya berhati2 meng-gunakan-nya, membasoh tangan sa-lepas penggunaan-nya dan menyimpan bahan2 kimia itu dengan baik.



AWANG G.C. Harper, Penasihat Perhubungan Perdagangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kelihatan sedang menyampaikan hadiah dari sharikat itu kepada Dayang Halimah binte Safar dari Sekolah Melayu Penanjong, Tutong.

Penyampaian hadiah yang berupa satu set fountain pen itu telah di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Muda Hashim pada minggu lalu.

Dayang Halimah ada-lah salah sa-orang dari 66 orang murid dari sekolah2 Melayu di-Daerah Tutong yang menerima hadiah tersebut.

Hadiah tersebut di-berikan kepada murid2 yang terbaik bagi tahun 1969. Sa-ramai 300 orang murid dari 125 buah sekolah dan maktab telah menerima hadiah tersebut.

Aneka Warna anjoran PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKASA akan mengadakan persembahan aneka warna dan peraduan2 di-dewan persatuan itu di-Kampung Saba pada 27 dan 28 Disember ini.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, antara achara2 yang akan di-persembahkan termasuklah peraduan2 menyanyi dan membacha sajak terbuka kepada ahli2 persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara.

Peraduan menyanyi dan pakaian beragam hanya terbuka kepada ahli2 persatuan PERKASA dan penduduk2 Kampung Sabah sahaja.

Borang2 untuk memasuki

peraduan2 tersebut boleh di-dapati dari Awang Ahmad bin Bunut di-Sekolah Melayu Sungai Kebun, Awang Jalil bin Haji Bakar di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, dan Awang Ismail bin Haji Zainal di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan.

Borang tersebut hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 24 Disember, 1970.

Juruchakap itu berkata, persatuan itu juga akan mengadakan mashuarat agong-nya pada 27 Disember di-rumah persatuan itu.

Perlumbaan jalan kaki PESAKA

TUTONG. — Perlumbaan jalan kaki tahunan kali yang ketujuh yang di-anjarkan oleh Persatuan Melayu Keriam — PESAKA akan di-adakan pada 7 Februari, 1971.

Perlumbaan tersebut terbuka kepada peserta2 dari seluruh negeri.

Ia-nya akan di-bahagikan kepada empat bahagian — bahagian dewasa lelaki dan perempuan yang berumur 15 tahun ka-atas dan bahagian kanak2 lelaki dan perempuan yang berumur ka-bawah 15 tahun.

Perlumbaan khas bagi penduduk2 Daerah Tutong juga akan di-adakan pada hari itu.

Sa-orang peserta akan di-kenakan bayaran sa-banyak \$1.00.

Jarak perlumbaan ia-lah 10 batu bagi bahagian orang2 dewasa dan 6 batu bagi kanak2 lelaki dan perempuan.

Borang2 permohonan bagi menyertai perlumbaan dan syarat2 boleh di-dapati dari Awang Jait bin Hitam dan Awang Kani bin Mohammad Said bagi peserta2 di-Daerah Tutong.

Awang Ahamad bin Munchong, di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan bagi peserta2 Daerah Brunei-Muara.

Awang Ahmad Shah bin Abdul Rahman, Maktab Anthony Abell, Seria bagi peserta2 di-kawasan Seria dan Awang Ibrahim bin Jaya dan Awang Ahmad bin Hitam bagi peserta2 di-Daerah Belait.

Borang2 yang telah di-isi beserta wang bayaran hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 25 Januari, 1971.


Pasar gembira

SERIA. — Pasar gembira selama empat hari yang di-anjarkan oleh pasukan Askar Gurkha Rifle telah di-adakan di-Gelanggang Sukan di-Seria pada minggu lalu.

Berbagai2 achara telah di-adakan semasa pasar gembira itu termasuk pertunjukan helikopter, ronggeng, jualan aneka barang2, menunggang kuda, pemeran seni lukis dan pertunjukan tangan dan pertunjukan wayang gambar.

Kemunchak bagi pasar gembira itu ia-lah perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-antara pasukan Askar Gurkha dan pasukan Daerah Belait. Perlawan tersebut telah di-menangi oleh pasukan Gurkha.

Hasil kutipan pasar gembira itu nanti akan di-berikan kepada Tabong Kebajikan Gurkha.



AWANG Nelson Janting (gambar atas) ia-lah pembaca warta berita dalam bahasa Iban di-Radio Brunei.

Awang Nelson berasal dari Betong, Bahagian Kedua Sarawak dan sekarang ini mengajar di-Sekolah St. Andrews, Bandar Seri Begawan.

Di-samping membaca warta berita itu, beliau juga menterjemah

berita tersebut dari bahasa Inggeris ka-dalam bahasa Iban.

Radio Brunei telah memulakan perkhidmatan Iban dan Dusun sejak awal bulan ini.

Tujuan mengadakan perkhidmatan2 tersebut ia-lah untuk memudahkan pendengar2 di-kawasan2 pendalaman untuk mengikuti perkembangan2 dalam negeri termasuk projek2 yang di-laksanakan oleh kerajaan.

ISLAM MEMERENTAHKAN PENGANUT2-NYA SUPAYA

UGAMA Islam ada-lah agama yang menyuruh umat-nya bersatu pada dalam membuat sesuatu perkara kebajikan, dan melarang dalam perkara2 kejahatan, begitu juga Islam memerintahkan dan melarang dengan keras-nya orang2 Islam menentang ketua atau penganjur — dan menimbulkan kekacauan dan huru-hara.

Kapada sa-orang ketua pula, hendak-lah jujur dan tidak boleh mengkhianati orang2 di-bawah-nya, kerana itu adalah satu kesalahan didalam mentadbirkan yang di-tadbirkan-nya. Perkara ini, ada di-sebut oleh Allah Subhanahu-

PATOH KAPADA KETUA

KHUTBAH JUMA'AT

"Ketua hendak-lah jujur dan tidak boleh mengkhianati orang2 di-bawah-nya"

Wa'atala di-dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim Surah An-nisa ayat 59 yang bermaksud:

"Hendak-lah kamu taat kapada Allah, dan hendak-lah kamu taat kapada Rasul dan

orang2 yang mempunyai kuasa di-antara kamu, dan jika di-dapati di-antara kamu berlainan pendapat di-dalam sesuatu perkara maka hendak-lah kamu kembali kapada Allah dan Rasul, jika

kamu beriman kapada Allah dan hari kemudian, itu-lah yang lebeh baik dan lebeh bagus kesudahan-nya."

Ayat ini telah di-kuatkan lagi oleh sabda Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Bokhari dan Muslim yang bermaksud:

"Mendengar perintah dan ta'at ada-lah wajib di-atas orang2 Islam, sama ada perkara2 yang dia suka atau pun dia benchi selagi tidak di-suruh berbuat maksiat, maka apabila di-suruh melakukan maksiat, maka tidak-lah wajib di-patuhi."

Dari maksud ayat2 Al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. di-atas tadi, kita dapat memahamkan bahawa ketua dan pemerintah tidak-lah dapat dipisahkan dari negara dan masyarakat, oleh sebab tanggungjawab sa-orang ketua itu adalah besar, maka Islam mewajibkan tiap2 orang yang di-bawah jagaan-nya patuh dan dengan itu akan berjaya-lah masyarakat atau pentadbiran negara atau masyarakat itu.

Ahli2 tafsir berpendapat, bahawa maksud perkataan itu sangat-nya luas erti-nya, di-antara-nya di-fahamkan orang yang mengurus kepentingan kaum muslimin, baik dalam lapangan keduniaan atau kerohanian.

Oleh itu tiap orang Islam hendak-lah faham dan mengetahui dasar agama Islam yang sebenar-nya. Moga2 orang2 Islam akan mendapat pertunjak dari Allah dan mendapat kebahagiaan hidup di-dunia di-bawah ketua atau pemerintah yang menjalankan tugas2 dan peratoran2 yang terator.



Fengakap2 pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan pengakap2 Brunei yang menghadhiri perkhemahan Jubli Intan Pengakap Singapura telah pulang katanah ayer pada hari Isnin lepas.

Rombongan yang mengandungi 10 orang itu telah diketuai oleh Awang Mohammad Taib bin Othman.

Perkhemahan itu di-adakan selama sa-minggu mulai 7 Disember lepas.

Gambar atas menunjukkan Awang Mohd. Taib sedang menyerahkan baki bendera Negeri Brunei kapada Penu-long Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shahbudin bin Saleh.

Malam Aidil Fitri PERWIRA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERWIRA telah mengadakan Malam Aidil Fitri PERWIRA bertempat di-dewan Puspa di-Kampung Ayer Bandar Seri Begawan pada malam Sabtu yang lalu.

Achara2 yang di-persembahkan termasuk peraduan2 ratu chantek, pakaian aneka ragam dan nyanyian.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan itu Awang Mahmud bin Pengarah Di-Gadong Haji Abu Bakar.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 Dis. 1970 hingga ka-hari Selasa 29 Dis. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
24 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
25 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
26 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
27 Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
28 Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27
29 Dis.		12-28	3-47	6-24	7-39	4-54	5-09	6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



23hb. Disember, 1970.

KESEMPURNAAN 'AKAD NIKAH

BEBERAPA masalah penting dalam perkahwinan orang2 Islam di-negeri ini, khas-nya perkara2 yang perlu di-selesaikan sa-belum 'akad nikah, menurut Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama yang juga pernah berkhidmat menjadi Kadhi Besar Brunei, kebanyakan-nya sa-olah2 telah terlupa untuk di-selesaikan. Ini menyebabkan sering berlaku keadaan yang kelim-kabut ketika majlis 'akad nikah di-langsungkan, sedangkan jemputan2 dalam majlis itu sudah sedia hadir.

Kenyataan beliau itu ada-lah satu kenyataan yang selalu terdapat dalam masyarakat kita baik yang berada di-kampung2 atau pun di-bandar2.

Salah satu daripada sebab kenapa perkara yang demikian selalu berlaku dan sa-olah2 kita kebuntuan jalan untuk mengatasi-nya ia-lah seperti yang di-terangkan beliau ia-itu di-sebabkan perkara2 yang kurang penting, tetapi telah di-jadikan sa-bagai yang terpenting dari yang lain2-nya. Perkara2 itu ia-lah perundingan2 antara kedua belah pihak pengantin berhubung dengan penetapan ongkos pembuka mulut, berapa tanda pertunangan, berapa mahar dan belanja hangus. Sa-lain dari itu ia-lah kesejukan2 mendirikan tetarok dan pinjam meminjam barang2 yang di-perlukan.

Kita tidak-lah berkehendakkan supaya perkara2 yang disebutkan itu tadi di-larang dari melaksanakan-nya, tetapi apa yang harus di-lakukan itu biar-lah tidak sampai kita terlupa perkara2 yang lebih wajib di-laksanakannya dalam perkahwinan kita orang2 Islam.

'Akad nikah ia-lah yang wajib di-sempurnakan, kerana dengan ketiadaan-nya yang di-lapadkan dengan betul dan chukup dengan keterangan yang di-perlukan seperti dari wali dan lain2 keterangan, maka majlis jerkahwinan itu tidak akan dapat di-jalankan.

Tetapi jika hanya dengan ketiadaan pembuka mulut, belanja hangus, tetarok dan barang2 yang lain misal-nya, maka majlis perkahwinan itu tetap di-jalankan jika chukup dengan perkara2 yang penting seperti yang kita sebutkan itu.

Satu ketika telah pernah kita ikuti betapa sa-pasang pengantin hanya dapat bersanding sahaja kemudian dari tarikh yang di-tetapkan di-sebabkan ketiadaan wali yang sah atau ketiadaan kenyataan2 penting yang lain.

Dalam kejadian ini, juru2 nikah tidak dapat di-salahkan dan mereka hanya akan menikahkan jika sudah chukup dengan keterangan2 yang di-perlukan. Jadi, hal ini ada-lah merupakan kelalaian kita yang perlu kita sedari terlebih dahulu sa-belum mengendalikannya majlis perkahwinan itu. Maka yang penting itu mesti di-usahkan hingga selesai dan perkara2 yang kurang penting harus di-ketepikan dahulu.

GETAH—

POKOK getah bukan-lah tumbuh2an asli di-kawasan Asia Tenggara ini. Pokok ini berasal dari benua Amerika Selatan, di-mana ia-nya membiak liar dalam Hutan Amazon di-negeri Brazil; oleh sebab itu-lah maka pokok getah di-kenali juga dengan nama Latin-nya *Hevea Brasiliensis*.

Pokok ini di-perkenalkan ka-Asia Tenggara, terutama sekali di-Malaysia, Ceylon dan Indonesia, oleh orang2 Eropah pada penghujung Kurun ke-19 yang lalu. Pada perengkat awal pengenalan-nya ka-Asia Tenggara, pokok getah telah di-bawa ka-Singapura sa-banyak 22 batang untuk di-tanam sa-chara perhubungan di-TAMAN BUNGA SINGAPURA (Singapore's Botanical Gardens). Beberapa tahun kemudian sa-telah perhubungan itu mendapat kejayaan yang memuaskan baharu-lah pokok2 itu di-perkenalkan ka-Semantanjong Tanah Melayu dalam tahun 1880an. Tapak penanaman pertama di-Semantanjong Tanah Melayu ia-lah di-Kuala Kangsar, Perak. Dari sejak pengenalan-nya itu Semantanjong Tanah Melayu telah meningkat menjadi salah sa-buah negeri yang terkemuka dalam bidang pengeluaran dan penanaman getah di-dunia

★ ★ ★

Sa-lepas beberapa tahun kemudian, apabila penanaman getah di-Semantanjong Tanah Melayu telah mencapai kejayaan yang chemerlang, baharu-lah ia-nya di-perkenalkan ka-Brunei oleh orang2 Eropah. Apabila Negeri Brunei menjadi sa-buah negeri di-bawah naungan Kerajaan British dalam tahun 1906, pemodal2 Eropah pun mulai menumpukan lebih banyak lagi perhatian mereka terhadap negeri ini. Mereka telah mengemukakan tujuan mereka hendak membuka ladang2 getah seperti yang terdapat di-Semantanjong Tanah Melayu ketika itu. Mereka menghantarkan permohonan untuk mendapatkan tanah kepada Kerajaan. Empat permohonan telah di-emukakan, tetapi hanya satu sahaja yang telah di-perkenankan oleh Kerajaan. Di-sebalek itu Kerajaan juga bertujuan hendak mendorongkan penduduk2 tempatan supaya menumpukan perhatian mereka kepada usaha2 pertanian, yang mana sa-belum itu tidak mempunyai peranan penting dalam perekonomian negeri ini.

Sungguh pun tanah telah diberi kepada sharikat orang Ero-

Pengenalan dan penanaman-nya di-Brunei

—OLEH—

Renchana ini di-pindah dari majalah "Beriga", bilangan 1, jilid 4, 1970 dengan kebenaran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Atas jasa baik itu di-ucapkan herbanyak2 terima kaseh. — Pengarang.

ALI HAJI HASSAN

pah, hanya sa-lepas dua tahun kemudian, dalam tahun 1908, baharu-lah mereka menanam-nya dengan getah. Penanaman pertama itu telah di-kendalikan di-kawasan Sungai Labu, dalam Daerah Temburong, yang telah di-berikan oleh Kerajaan kepada Awang Abrahamson. Ladang ini kemudian-nya di-kenali sa-bagai LABU ESTATES.

★ ★ ★

Berikutan dengan dasar-nya untuk mendorong dan memperluaskan usaha2 pertanian dalam negeri, Kerajaan juga telah mengimpor biji dan anak pokok getah dari Semantanjong Tanah Melayu. Biji2 dan anak pokok getah tersebut telah di-semai di-kawasan perhubungan Kerajaan di-sekitar Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) yang ada sekarang ini.

Menjelang tahun 1910, lebih banyak lagi tanah2 Kerajaan di-berikan kepada sharikat orang Eropah, termasuk-lah kawasan yang di-beri kepada J. Hatton Hall (10,000 ekar di-kawasan sekitar Bandar Brunei); John Kime (2,000 ekar di-kawasan Batu Apoi, Daerah Temburong) dan H. B. Marshall (1,000 ekar di-kawasan Batu Apoi, Daerah Temburong). Di-sa-balek itu penduduk2 tempatan juga telah bertambah banyak memohon tanah kepada Kerajaan untuk usaha2 pertanian. Sungguh pun Kerajaan menasehati mereka supaya menanam tumbuh2an lain, sa-lain daripada pokok getah, tetapi kebanyakan daripada mereka hanya menumpukan tenaga mereka kepada penanaman getah sahaja. Kerajaan telah membantu penanam2 tempatan dalam usaha2 mereka menanam getah dengan mengimporkan biji2 getah untuk di-jual kepada mereka, mengenakan harga membawa masuk sahaja. Dalam tahun 1910, 190,000 biji getah telah di-jual kepada mereka.

Sejak tahun 1910, penanaman getah di-Brunei mulai berkembang dan lebih banyak lagi kawasan2 tanah Kerajaan telah di-berikan kepada petani2 tempatan demi usaha2 pertanian mereka. Dalam tahun 1911 lebih daripada sa-ribu

ekar kawasan yang telah di-tanam dengan pokok getah dan ada kawasan yang telah di-tanam dengan pokok getah berchampur dengan pokok kopi sa-bagai perhubungan. Sejak itu perkembangan penanaman getah sa-makin bertambah pesat.

Tahun 1914 ada-lah tahun yang bersejarah bagi penanaman getah di-Brunei kerana pada tahun itu-lah getah mulai menjadi bahan eksport tetap negeri ini. Pengeluaran getah untuk di-ekspot bagi pertama kali-nya ini ada-lah penghasilan dari ladang getah kepunyaan Awang Abrahamson.

Sungguh pun jumlah yang telah di-ekspot itu hanya sedikit sahaja, ia-nya merupakan hasil tenaga beberapa tahun lama-nya kerana pokok getah memakan masa enam hingga tujuh tahun sa-belum ia-nya dapat di-toreh.

★ ★ ★

Petani2 tempatan, sa-sudah mengetahui akan faedah yang boleh di-dapati daripada hasil usaha2 pertanian, telah dengan lebih pesat lagi berduyun2 memohonkan tanah kepada Kerajaan untuk di-jadikan kebun getah. Sungguh pun Kerajaan mendorong perkembangan usaha2 pertanian, ia-nya menyedari akan kesukaran yang mungkin berlaku jika sistem pertanian itu di-dasarkan kepada sa-jenis tumbuh2an sahaja. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil tindakan yang sesuai dengan memberi tanah hanya kepada mereka yang berjanji akan menanam tumbuh2an lain sa-perti pokok kelapa dan sa-bagai-nya, sa-lain daripada menanam getah. Tindakan ini bukan sahaja untuk mengatasi masalah tersebut tetapi juga untuk memperluaskan lagi usaha2 pertanian dalam negeri ini, yang ketika itu sedang berkembang maju.

Sungguh pun perkembangan usaha2 penanaman getah sa-makin bertambah giat di-Brunei sa-lepas tahun 1914, ia-nya telah menghadapi beberapa masalah yang rumit. Salah satu daripada-nya ia-lah kesukaran mendapatkan buroh untuk menjalankan kerja2 di-la-

(Lihat Muka 5)



Gambar atas kiri: Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Momin sedang menyampaikan piala yang telah di-hadiah oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanca Muda Haji Mohammad Alam kepada Awang Sabtu bin Ampuan Saifuddin yang telah memenangi hadiah pertama dalam Bahagian Tajok Umum.

Gambar atas kanan: Sa-bahagian dari pemenang2 peraduan bergambar bersama2 piala2 kemenangan mereka.



Majlis penyampaian hadiah2 peraduan mengarang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta yang berjaya dalam peraduan mengarang mengenai Perkembangan Negeri Brunei Semasa Pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang telah di-adakan baru2 ini.

Peraduan itu di-anjarkan oleh sa-buah jawatankuasa bagi memperingati penarikan nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan dalam bulan Oktober lepas.

Majlis penyampaian hadiah2 itu di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu SMJA pada malam hari Ahad yang lalu.

Keputusan2 peraduan adalah seperti berikut:

Bahagian tajok umum: Pertama — Sabtu bin Ampuan Saifuddin; kedua — Awang Abu Bakar bin Mohammad Salleh; ketiga — AB. Shyams; keempat — Hussain bin Abdul Rahman; kelima — Awang Mohammad Yusof bin Gumbol dan keenam — Awang Ismail bin Ibrahim.

Bahagian tajok khas (Bahasa): Pertama — Awang Zaila bin Haji Abdul Ghafar; kedua — Mohammad Jinin bin Haji Jaya dan ketiga — Awang Anuar bin Haji Abdul Rahman.

Bahagian tajok khas (Pela-jaran): Pertama — Awang Abdul Kadir Cheku; kedua — Awang Ali bin Haji Hassan dan ketiga — Awang Abdullah bin Ali Hashim.

Bahagian tajok khas (Uga-ma): Pertama — Dayang Fatimah binte Abdul Hamid; dan

kedua Awang Abu Bakar bin Mohammad Salleh.

Bahagian tajok khas (Adat Istiadat): Pertama — Awang Anuar bin Haji Abdul Rahman dan kedua — Awang Ahmad bin Arshad.

Awang Mohammad bin Jambol, Awang Rizal dan Awang Md. Jali bin Mohammad Yusof masing2 telah mendapat hadiah penghargaan.

Majlis penyampaian pada malam itu telah di-serikan dengan tari2an dan nyanyian yang di-persembahkan oleh penuntut2 Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Keputusan peraduan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Melayu Pintu Malim telah memenangi peraduan tarian adai-adai yang berlangsung di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada malam Ahad lepas.

Peraduan yang julong2 kalinya di-adakan itu ada-lah anjoran Sekolah2 Melayu Brunei Satu.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Anggerek Desa dan pemenang ketiga ia-lah Sekolah Melayu Pusu Ulak.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Yang Di-Per-tua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Mohammad Hussain bin Mohd. Yusof.

Sa-banyak tujuh buah sekolah di-Daerah Brunei-Muara telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

GETAH-pengenalan dan penanaman-nya di-Brunei

(Dari Muka 4)

dang2 besar, terutama sekali di-ladang2 besar dalam Daerah Temburong. Kekurangan buroh kasar itu bukan sahaja di-sebabkan kekurangan penduduk tetapi juga akibat perkara yang di-bayangkan oleh chabutan berikut ini:

“.....tidak dapat di-nafikan akan betapa sukar-nya masalah itu; dan atas penyelesaian-nya terletak kemajuan perusahaan getah di-Brunei.

Sementara itu boleh juga dikatakan bahawa Pengurus2-nya, sungguh pun mereka menumpukan tenaga dan perhatian yang penuh kepada urusan2 mereka, tidak sentiasa menunjukkan kebijaksanaan mereka dalam menghadapi masalah ini.

Kemuskilan-nya yang sa-benar ada-lah bahawa keadaan kerja2 di-ladang sekarang ini kurang memuaskan jika dibandingkan dengan chara2 penghidupan yang lain.

Sa-belum keadaan itu dapat di-perbaiki tidak ada Peratoran2 Buroh dalam dunia ini akan dapat memberi penarekan kepada pekerja2 untuk bertugas di-ladang2 tersebut atau menahan mereka di-sana jika mereka dapat melepaskan diri dari situ.....”

(Penyata tahunan Kerajaan Brunei, 1919 m.s. 4 (Penchetak Kerajaan Singapura).

Dari chabutan ini dapat-lah

di-tentukan bahawa perkara yang menyebabkan kekurangan pekerja2 di-ladang yang besar ada-lah sa-mata2 keadaan bekerja yang di-dapati di-situ. Perkara2 lain juga telah mengancam perkembangan perusahaan getah di-Brunei, terutama sa-kali di-kalangan petani2 tempatan; satu daripada-nya ia-lah kekurangan ilmu pengetahuan tentang usaha2 pertanian am-nya. Mithalnya, mereka tidak menyedari akan penyakit2 yang boleh merosakkan pokok2 getah itu.

Demi mengatasi kekurangan pekerja2 di-ladang2 besar dalam negeri ini, shariat2, yang berkenaan telah membuat perundingan dengan Kerajaan untuk membenarkan mereka mendatangkan buroh2 kasar dari luar negeri seperti yang telah di-kendalikan di-Semananjong Tanah Melayu. Permintaan ini telah di-benarkan oleh Kerajaan dalam tahun 1920an dan sejak itu banyak ladang yang menggunakan buroh luar untuk menyelenggarakan kerja2 ladang mereka. Di-sabalek itu akibat beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan, pengambilan buroh dari luar negeri itu telah di-hentikan dalam tahun 1930an, dan juga buroh2 luar yang ada itu di-pulangkan ka-tempat asal mereka.

— Bersambong minggu depan.

Perlawanan bola keranjang tiga wilayah di-batalkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Bola Keranjang Antara Wilayah yang di-jadualkan berlangsung di-Sandakan-Sabah dari 20 hingga 22 Disember telah di-batalkan kerana Sarawak tidak dapat menghantarkan pasokan-nya ka-perlawanan itu.

Sementara itu Persatuan Bola Keranjang Amateur Bandar Seri Begawan merancang akan menghantarkan satu pasokan ka-Sabah, untuk mengadaa beberapa perlawanan persahabatan dengan pasokan2 di-Kota Kinabalu.

Pasokan Brunei, Woon Cheng akan di-ketuai oleh Yang Di-Pertua persatuan itu Awang Ong Keh Beng.

Awang Ong berkata, jika segala-nya2 berjalan menurut rancangan, pasokan itu berlepas ka-Kota Kinabalu pada 24 Disember dan akan pulang pada 27 Disember.

Balai pulis bagi Sg. Liang

SUNGAI LIANG. — Sungai Liang di-Daerah Belait tidak lama lagi akan mempunyai sebuah balai pulis apabila pembenaan bangunan itu siap akhir tahun depan.

Kerja pembenaan balai pulis yang di-chadangkan itu akan di-mulakan tidak beberapa lama lagi sa-telah tawaran bagi pembenaan bangunan itu di-terima baru2 ini.

Komplek yang mengdongi sa-buah berek itu di-anggarkan akan menelan belanja kira2 \$198,660.00. Ini termasuk pembenaan jalan keluar, pemasangan pagar dan menanam rumput.

Kerja2 itu akan di-laksanakan oleh Sharikat pembenaan Foo Yun Yun.



Majlis perjumpaan Hari Raya

SUNGAI LIANG. — Pegawai2 dan kaki-tangan2 Jabatan Hutan serta keluarga mereka telah meraikan Hari Raya di-kawasan Hutan Simpanan Andulau di-Sungai Liang pada hari Ahad lepas.

Majlis perjumpaan itu adalah yang julong kali di-adakan oleh jabatan itu.

Pegawai Kehutanan Daerah Brunei, Awang Mahari bin Mohammad Said, selaku pengerusi perayaan berkata ada-lah di-harapkan bahawa perayaan2 serupa itu akan dapat di-adakan lagi pada masa depan supaya kaki-tangan2 jabatan dan keluarga mereka boleh mera'ikan Hari Raya bersama2.

Pemelihara Hutan, Awang I.P. Tamworth ada-lah di-antara pegawai2 yang telah memberikan ucapan.

Gambar bawah menunjukkan bekas Pegawai Hutan, Daerah Belait, Awang Haji Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad sedang berucap di-majlis itu. Beliau telah bersara dari jawatan-nya dalam tahun ini sa-telah berkhidmat dengan Jabatan Hutan sa-lama 32 tahun.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh sedang menyampaikan piala kepada Awang Suresh Janardanan yang telah terpilih sa-bagai johan lomba go-kart bagi tahun 1970.

Awang Suresh telah di-pilih menjadi j o h a n sa - telah memenangi perlumbaan utama sa-banyak 50 pusingan yang telah di-adakan di-Pekan Tutong baru2 ini.

Pemenang kedua ia-lah Eric Vennel dan ketiga Leftenant Abdul Rahman.

Lima orang pemereksa haiwan berkursus di-Malaysia Barat

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lima orang pemereksa binatang ternakan Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Ahad untuk menjalani latehan mengenai pengusahaan binatang ternakan dan ayam di-pusat2 haiwan di-Malaysia Barat.

Mereka itu ia-lah Awang Zaini bin Haji Othman, Awang Saidin bin Haji Ibrahim, Awang Mohamed Noor bin Mohammad, Awang Abdul Rahman bin Haji Zainal dan Awang Kassim bin Abdul Latif.

Sa-lepas tamat latehan se-

Sepak takraw: SOAS menangi semua perlawanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan telah memenangi semua bahagian dalam perlawanan akhir sepak takraw antara sekolah2 rendah, menengah dan maktab2 seluroh negeri.

Perlawanan itu telah di-adakan hari Khamis lalu di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan. Ia-nya di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran bahagian Pendidikan Jasmani sa-bagai projek tahunan Jabatan itu.

Keputusan2 perlawanan itu ada-lah sa-perti berikut:

Bahagian Sekolah2 Rendah Kumpulan 'A': Johan-Maktab SOAS; Naib-Johan-Sekolah Melayu Delima Satu.

Kumpulan 'B': Johan, Maktab SOAS dan Naib Johan Sekolah Melayu Amar Pahlawan.

Maktab SOAS juga telah memenangi perlawanan dalam bahagian sekolah2 menengah dan maktab2 yang berumur 17 tahun ka-atas. Pemenang kedua ia-lah Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Nadzir Negara, Awang Suni bin Haji Idris di-akhir perlawanan itu.

Tawaran membekal gula puteh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah menerima tender Chop Bee Seng kerana pembekalan 4,000 metric ton gula puteh, yang berharga \$446.00 satu ton.

Bekalan gula itu menchu-kopi untuk kegunaan selama satu tahun.

Ini ada-lah tawaran bekalan gula bagi kali kedua di-negeri ini. Tawaran pertama sa-banyak 3,000 metric ton di-buat tahun lalu.

Sa-orang juruchakap bagi Setor2 dan Perbekalan2 Negara berkata, pengiriman pertama bekalan gula itu di-jangka tiba dalam pertengahan bulan hadapan.

Jelaskan bayaran bekalan ayer dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua pengguna2 ayer dalam kawasan bandaran Bandar Seri Begawan dan Daerah Brunei-Muara yang belum lagi menjelaskan bayaran bekalan ayer mereka supaya datang ka-Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, pengguna2 ayer yang di-dapati tidak menjelaskan hutang bekalan ayer mereka, maka bekalan ayer itu akan di-potong dan di-tuntut melalui mahkamah.



Pendaftaran di-tutup esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi memasuki kelas2 dewasa dan kelas trengkas dan menaip akan di-tutup esok, 24 Disember.

Pendaftaran yang di-mulakan sejak 17 Disember yang lalu itu telah di-adakan di-semua pusat2 kelas dewasa di-seluruh negeri dan pendaftaran bagi kelas trengkas dan menaip di-terima di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan.

Pendaftaran di-terima hingga 6.30 petang.

Kelas2 dewasa dan kelas trengkas dan menaip bagi seluruh negeri akan di-buka pada 5 Januari, 1971.

2 orang mekanik berkursus di-Kuching

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang mekanik Jabatan Talikom berlepas ka-Kuching pada hari Ahad lepas untuk menjalani kursus mekanik radio, selama dua bulan, di-Pusat Latehan Talikom Kuching.

Mereka ia-lah Awangku Tajuddin bin Pengiran Manggong, dan Awang Sabtu bin Tajuddin.

Bagini-lah pemandangan di-pantai Pengkalan Si-Babau yang telah di-buka oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara menjadi tempat peranginan.

Tempat peranginan yang telah di-chadangkan itu terletak di-tepi pantai menghalo Kuala Sungai Brunei dan kira2 10 batu dari Bandar Seri Begawan.

Pejabat Daerah Brunei-Muara akan menyediakan beberapa kemudahan bagi orang ramai berke-lah di-tempat itu.

Kerja2 pembenaan jalan raya masuk ka-tempat itu sekarang berjalan lancar.

Melawat ka-Balai Bomba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan penuntut2 Form Tiga Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan telah melawat Ibu Pejabat Pasokan Bomba pada minggu lepas.

Semasa lawatan itu mereka telah mendengar cheramah mengenai aspek2 perkhidmatan bomba.

Mereka juga telah menyaksikan pertunjukkan mengenai penggunaan alat2 pemadam api dan juga pertunjukkan mengenai penggunaan alat2 pertolongan chemas.

Jawatan Kosong Di-Jabatan Letrik, Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

(a) PENOLONG JURU PENGUASA (2 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman mengendalikan Gas Turbines yang mempunyai kuasa sa-hingga 11MW dan alat2 tambahan. Mereka hendak-lah juga mengetahui menggunakan berbagai2 jenis L.T. dan H.T. switchgear dalam sa-sebuah Steshen Letrik yang mempunyai kuasa 11KV sa-hingga 66KV dan tahu menggunakan alat2 pelindung bagi switchgear tersebut.

Pemohon2 di-kehendaki bekerja bergilir2 di-bawah arahan Jurutera Penguasa tetapi mungkin akan di-kehendaki menjaga sendiri pekerja2 shift apabila perlu.

Kelayakan teknikal ada-lah di-kehendaki tetapi tidak mustahak. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu, atau sekurang-nya boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dengan cekap.

Gaji: Dalam sukatan gaji C2-3 EB 4 — BS660x30-900x30-1050/EB/1080 x30-1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENYAMBONG KEBAL (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman membuat semua jenis H.T. dan L.T. straight through joints, Indoor dan Outdoor, terminal joints ka-atas semua jenis transformer dan switchgear. Tambahan kepada itu pemohon2 mesti-lah boleh mengawas pekerja2 kebal dan kerja2 memasang H.T. dan L.T. kebal bawah tanah dan kebal2 atas.

Pemohon2 hendak-lah sa-baik2-nya telah menjalani satu kursus penoh masa di-sa-sebuah Sekolah Pertukangan yang di-iktiraf.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.4 — BS500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II (1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 hendak-lah lulus Form IV Inggeris dan telah men-

amatkan Form V. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 8 tahun pengalaman dalam kerja2 setor Electrical/Mechanical dalam sa-sebuah perbadanan yang besar. Hendak-lah tahu menaip, menjaga buku ledger dan memeriksa barang2 dalam simpanan setor.

Perlu mempunyai pengalaman tentang chara2 menerima dan mengeluarkan barang2 letrik serta menyediakan tanda2-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — BS270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(d) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III (1 kosong)

Pemohon2 hendak-lah lulus Form II Inggeris atau Darjah VIII Melayu dengan mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Inggeris. Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor. Keutamaan akan di-beri kepada chulun2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 menerima dan mengeluarkan barang2 letrik.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — BS200x10-270/EB/280x10-330.

Sharat2 Lanjutan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis: Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sechara berkontrek, baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Disember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



JURU2 NIKAH SELUROH NEGERI DI-TAMBAH

TUTONG. — Guru2 Ugama telah di-sifatkan sa-bagai orang2 yang wajar memberikan pertolongan kepada orang ramai untuk menyelesaikan beberapa masaalah penting dalam perkahwinan.

Masaalah2 penting itu termasuklah perkara2 yang perlu di-usahakan sa-belum akad nikah seperti masaalah wali, surat keterangan cherai atau surat keterangan mati bagi sa-orang janda dan lain2 lagi.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin di-Majlis Perjumpaan Hari Raya Guru2 Ugama Daerah Tutong yang berlangsung pada hari Sabtu, 19 Disember lepas di-Dewan Madrasah, Mesjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong.

Menurut beliau lagi bahawa masaalah yang paling rumit ialah apabila wali berada jauh di-luar negeri dan kerap kali masaalah itu berlaku dan di-alam. beliau sa-waktu beliau menjadi Kadhi Besar dulu.

Oleh itu, bagi mengatasi masaalah2 tersebut, beliau berfikir akan dapat di-usahakan bersama oleh guru2 ugama yang di-tempatkan di-kampung2 dan di-bandar2 dengan memberikan penerangan2 yang perlu.

Beliau juga menyebut beberapa kebiasaan yang menyebabkan timbulnya kesibokan2 dalam majlis2 perkahwinan sa-hingga orang2 yang mengendalikan majlis itu ter-lupa kepada perkara2 yang paling mustahak seperti akad nikah.

Kebiasaan2 yang di-lakukan itu, menurut beliau ia-lah mengadakan perundingan2 antara pehak pengantin perempuan dan laki2 berhubung dengan penetapan pembuka mulut, berupa tanda pertunangan, berupa mahar dan belanja hangus sa-lain dari sebok mendirikan tetarok dan pinjam meminjam barang2 yang di-perlukan.

Mengenai masaalah2 penting diselesaikan itu, beliau menyeru guru2 ugama untuk memberikan penerangan2 perlu supaya perkara2 yang demikian dapat di-uruskan lebeh awal dengan juru2 nikah atau pun terus kepada kadhi demi untuk mengelakkan keadaan yang kelam-kabut.

Di-samping itu, beliau juga mengumumkan perlantikan 11

orang juru2 nikah yang baru bagi menambah bilangan juru2 nikah yang ada pada masa ini di-seluruh negeri.

Tambahan bagi juru2 nikah di-Daerah Brunei dan Muara ia-lah sa-ramai tiga orang. Mereka itu ialah Pehin Khatib Awang Juned bin Jamaluddin (Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan); Haji Abdul Aziz bin Haji Mahmud (Imam Mesjid Setia Ali Muara); dan Awang Baha bin Abdul Karim (Imam Mesjid Sengkuring).

Di-Daerah Tutong mendapat lima orang juru2 nikah tambahan yang terdiri dari Awang Abdul Wahab bin Othman (Imam Mesjid Penanjong); Haji Md. Yassin bin Metassan (Imam Mesjid Tanjong Maya); Awang Abdul Rahman bin Md. Serudin (Imam Mesjid Birau); Awang Bakri bin Haji Serudin (Bilal Mesjid Layong); dan Awang Senudin bin Haji Tahir (Bilal Mesjid Danau).

Bilangan juru2 nikah di-Daerah Temburong mendapat tambahan sa-ramai dua orang ia-itu Haji Sabtu bin Abdul Ghani (Imam Mesjid Bokok); dan Awang Ahmad bin Tengah (Imam Mesjid Labu).

Awang Jaafar bin Ibrahim, Bilal Mesjid Setia ia-lah juru nikah tambahan yang di-lantik bagi Daerah Belait.

Juru2 nikah yang baru itu akan menjalankan tugas2 mereka tidak lama lagi ia-itu sa-sudah mereka di-bagikan arahan2 dan nasihat2 yang di-fikirkan berfaedah dalam menjalankan tugas2 mereka oleh Timbalan Kadhi Besar tidak lama lagi.

Majlis penyampaian hadiah2

(Dari Muka 1)

reka maseh dalam perkhidmatan kerajaan.

Terdahulu sa-belum itu, Pengetua Maktab SOAS, Awang A. L. MacKorkindale telah berucap berkenaan dengan aktiviti2 maktab tersebut.

Majlis yang sama juga di-adakan di-dewan Maktab SOAS petang semalam.

Dalam majlis tersebut sa-ramai 182 orang penuntut dari sekolah2 persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan, Amar Pahlawan, Angerek Desa, Muara, Sengkuring dan Kilanas telah menerima hadiah tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Penguasa Pelajaran Inggeris, Awang R. Yong.

Banchi Pandu: Penduduk2 di-minta beri kerjasama

(Dari Muka 1)

Hasil dari Banchi Pandu itu nanti atau pengalaman2 yang di-dapati dari banchi tersebut akan di-jadikan sa-bagai asas2 yang lebeh efisien.

Kampung2 yang telah dipilih untuk Banchi Pandu itu ia-lah:

Daerah Brunei-Muara: —

Kampung Sungai Pandan A, Kampung Sungai Pandan B, Kampung Pandai Besi A, Kampung Berangan dan dua blok kedai yang di-lengkongi oleh Jalan2 Cantor, Sultan dan McArthur.

Daerah Tutong: — Kampung Lubok Pulau, Kampung Tanjong Maya, Kampung



Timbalan Menteri Besar, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa telah melawat ka-jabatan2 kerajaan di-Daerah Belait pada hari Khamis lepas dalam siri lawatan2 beliau ka-beberapa tempat di-negeri ini. Dalam lawatan ka-daerah itu, beliau juga sempat melawat ka-Jabatan Kastam Di-Raja dan Imigresen di-Sungai Tujoh, dekat sempadan Sarawak. Pada hari Isnin lepas beliau juga telah mengadakan lawatan ka-Jabatan Kastam di Pulau Baru2. Gambar atas menunjukkan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja (di-tengah2) ketika menemui pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan (di-sebelah kanan) di-pejabat pegawai daerah. Turut hadir dalam pertemuan itu ia-lah Awang Zakaria bin Haji Sulaiman (No. 2 dari kiri) dan penolong pegawai Daerah Belait, Awang Sidek bin Yahya. Sementara gambar bawah, Y.B. Timbalan Menteri Besar ketika melawat ka-Kastam di-Pulau Baru2.



Penyakit Demam Tipus di-jumpai di-Kampung Saba

BANDAR SERI BEGAWAN.

Beberapa kejadian penyakit demam tipus (typhoid) telah di-jumpai di-Kampung Saba Darat di-Kampung Ayer pada minggu lalu.

Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raja, Dato Setia Dr. P. I. Franks ketika mengumumkan bahawa pembawa penyakit itu ia-lah sa-orang penjaja barang2 makanan di-kampung2.

Pehin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raja menyeru ibu bapa terutama yang tinggal di-kampung ayer supaya melarang anak2 mereka dari membeli barang2 makanan yang di-jual oleh penjaja2 yang tidak mempunyai lesen.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya melaksanakan langkah2 kesihatan di-rumah mereka masing2.

Pengarah Perubatan dan Kesihatan menyatakan bahawa jika ada di-dapati demam2 atau tidak sehat, ia-nya hendaklah di-bawa segera ka-rumah sakit atau kelinik yang berhampiran.

Pehin Orang Kaya Tabib Laila Di-Raja juga menasihatkan orang ramai supaya memasak semua ayer minuman dan jangan makan makanan yang tidak di-masak.